

1,101 PATI ditahan dalam Ops Khas di sekitar Kompleks Kota Raya dan Jalan Silang

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
 KUALA LUMPUR



'Mini Dhaka' di KL kena serbu

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID



Allaudeen melihat PATI yang ditahan dibawa ke Pulapol, Kuala Lumpur untuk siasatan lanjut.



Allaudeen (tengah) menunjukkan botol arak yang dirampas dalam serbuan pada Khamis.

Seramai 1,101 pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan dalam operasi khas di 'mini Dhaka' sekitar Kompleks Kota Raya dan Jalan Silang di sini pada Khamis.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid berkata, kesemua PATI ditahan kerana gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Kita melaksanakan pemeriksaan terhadap 60 premis di kawasan sekitar itu, kesemua PATI memberi kerjasama yang baik dan tidak berlaku sebarang pergelutan dan kecederaan," katanya dalam sidang akhbar di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur di sini pada Khamis.

Allaudeen berkata, seramai 1,138 pegawai dan anggota dari Briged Tengah Pasukan Gerakan

AM (PGA) dan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) terlibat dalam operasi itu.

"Operasi itu turut melibatkan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur, Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Kuala Lumpur serta Unit Anjing Pengesanan (K9).

"Selain itu, Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut terlibat dalam operasi itu," jelasnya.

Beliau berkata, operasi itu bertujuan membanteras pelbagai aktiviti jenayah yang berlaku di kawasan tersebut.

"Kita turut merampas 100 karton rokok, 80 karton arak, ubat-ubatan tanpa kelulusan KKM yang dianggarkan bernilai RM104,530," ujarinya.

Beliau berkata, kesemua PATI yang ditahan itu diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan di bawah Akta Imigresen 1959.

"DBKL pula akan mengambil tindakan terhadap pemilik premis yang menyewa dan menggaji PATI," tambah beliau.

Allaudeen berkata, pihaknya akan terus menjalankan operasi khas seperti itu pada masa akan datang.



Pelbagai jenis ubat yang ditemui dalam premis yang menawarkan khidmat klinik persendirian.

"Orang ramai dialu-alukan untuk menyalurkan maklumat berhubung kegiatan yang mencurigakan atau kehadiran PATI di kawasan masing-masing kepada pihak polis.

"Pihak polis akan terus menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi menjaga serta mengawal keselamatan dan ketenteraman negara," ujar beliau.

Sebelum itu, tinjauan *Sinar Harian* mendapati pasukan keselamatan lengkap bersenjata dan peralatan khas dilihat mula memecah masuk ke setiap premis melibatkan empat blok di jalan berkenaan.

Difahamkan serbuan dijalankan bagi menangani banjir warga asing dan perniagaan yang dimiliki serta menggaji warga asing di kawasan itu.

Warga asing yang ditahan terdiri daripada warga Bangladesh, Nepal dan Myanmar itu gagal melarikan diri selepas kepungan mengejut dibuat.

Pemeriksaan di salah satu premis mendapati warga asing yang menjalankan perniagaan agensi pelancongan turut menawarkan khidmat klinik persendirian.

Turut ditemui pelbagai jenis ubatan disyaki dari Bangladesh tanpa kelulusan KKM.



Anggota keselamatan memberikan makanan kepada PATI yang ditahan.